AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

# Terengganu catat Rt tertinggi

## Kadar kebolehjangkitan terus tunjuk aliran meningkat

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kadar kebolehjangkitan COVID-19 atau R-naught (Rt) mengikut kes seharian di seluruh negara terus menunjukkan trend peningkatan apabila Rt 1.18 direkodkan kelmarin.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata Terengganu mencatatkan kadar kebolehjangkitan Rt 1.34, iaitu yang paling tinggi berbanding negeri lain.

"Pecahan Rt mengikut negeri, iaitu antara negeri yang mempunyai kadar kebolehjangkitan tinggi, selain Terengganu ialah Kelantan 1.30, Sarawak 1.28, Sabah dan Kuala Lumpur masing-masing 1.22, Putrajaya 1.19.

"Rt di negeri lain ialah Selangor 1.04, Pulau Pinang 0.90, Johor 0.95, Melaka dan Perak 1.09, Negeri Sembilan 1.08, Kedah 1.07 dan Pahang 1.

"Manakala di Perlis terdapat dua kes COVID-19 direkodkan dan Labuan satu kes," katanya di Facebook, semalam.

Melalui paparan grafik di laman Facebook Dr Noor Hisham, trend peningkatan Rt mula dikesan sejak Ahad lalu dengan 1.06 direkodkan sebelum naik kepada 1.07 pada Isnin, 1.09 (Selasa), Rabu (1.14) dan Khamis (1.17).

Sejak tempoh 1 Mac lalu, nilai Rt terendah pernah direkodkan di negara ini ialah 0.81 pada 3 Mac lalu.

> Terengganu mencatatkan kadar kebolehjangkitan Rt 1.34, iaitu yang paling tinggi berbanding negeri lain
>
> *Dr Noor Hisham Abdullah, Ketua Pengarah Kesihatan*



Berdasarkan carta, kadar kebolehjangkitan COVID-19 boleh melonjak kepada Rt 2 menjelang Mei jika amalan prosedur operasi standard (SOP) pencegahan virus berkenaan tidak dipatuhi oleh orang ramai.

Kementerian Kesihatan (KKM) sebelum ini menjangkakan negara bakal mencapai kadar kurang Rt 1 menjelang bulan depan.

Namun, Isnin lalu, KKM mengakui unjuran kes COVID-19 kepada 500 menjelang Mei sukar dicapai kerana kemerosotan terhadap pematuhan SOP.

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 7
RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

# Tiga kluster institusi pendidikan dikesan

## 2,331 positif, Selangor catat kes harian baharu tertinggi

Oleh Rafidah Mat Ruzki
fidahruzki@bh.com.my

**Putrajaya:** Kes baharu COVID-19 di negara ini kekal melebihi 2,000 apabila 2,331 kes positif baharu COVID-19 dilaporkan semalam, menjadikan jumlah kes keseluruhan setakat ini 372,859 kes dengan 19,094 kes aktif.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata Selangor terus mencatatkan kes tertinggi, iaitu 751 kes setakat tengah hari semalam.

Beliau berkata, ia disusuli Sarawak dengan 512 kes, Kuala Lumpur (252) dan Kelantan (225), manakala tiada kes baharu direkodkan di Terengganu.

"Selangor hari ini (semalam) melaporkan kes harian baharu tertinggi sebanyak 751 kes (32.2 peratus) dan daripada jumlah ini, 623 kes (83 peratus) adalah daripada kluster dan saringan kontak rapat kes positif COVID-19 yang aktif dijalankan di lapangan.

"Ini diikuti Sarawak sebanyak 512 kes (22 peratus) dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sebanyak 252 kes (10.8 peratus).

"Sebanyak 39 kes (1.7 peratus) dilaporkan pula berkaitan kluster di penjara dan Depoh Tahanan Imigresen (DTI) membabitkan Kluster DTI Lenggeng (24), Kluster Jalan Salleh (11) Kluster Tembok Pengkalan Chepa (3) dan Kluster DTI Sandakan (1)," katanya dalam kenyataan media, semalam.

Sebanyak 225 kes kini dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) dengan 92 pesakit memerlukan alat bantuan pernafasan.

Sebanyak 12 kes dikesan membabitkan kes import, iaitu tujuh warganegara dan lima bukan warganegara, manakala 2,098 daripada 2,319 kes penularan tempatan adalah warganegara (90.5 peratus) dan 221 bukan warganegara (9.5 peratus).

Kementerian Kesihatan (KKM) turut merekodkan 1,832 kes pulih jangkitan COVID-19 menjadikan 352,395 pesakit atau 94.5 peratus daripada kes dilaporkan di negara ini, sudah sembuh sepenuhnya.

Dr Noor Hisham berkata, lima kes kematian semalam, iaitu masing-masing dua kes di Selangor dan Sabah serta satu kes di Sarawak.

Beliau berkata, semua kes membabitkan warganegara berusia antara 61 hingga 86 tahun serta menghidap pelbagai penyakit kronik.

Sementara itu, Dr Noor Hisham berkata, tiga kluster jangkitan membabitkan institusi pendidikan/sekolah dikesan semalam di Sarawak, Selangor dan Putrajaya.

Beliau berkata, Kluster Ulu Balingian dan Kluster Jalan Disa, kedua-duanya di Sarawak dan Kluster Jalan Maktab di Selangor dan Putrajaya antara lapan kluster baharu yang direkodkan semalam.

Katanya, Kluster Ulu Balingian dikesan di Selangau, membabitkan kes indeks dilaporkan positif COVID-19 bermula semalam, hasil saringan bersasar pelajar sekolah di Ulu Balingian, di daerah itu.

"Hasil saringan mendapati 101 daripada 200 individu dikesan positif COVID-19 dalam kluster itu. Kluster Jalan Disa di daerah Sibu pula membabitkan seorang wanita tempatan berusia 45 tahun yang dilaporkan positif COVID-19 pada 14 April lalu hasil saringan individu bergejala.

"Kluster ini membabitkan sekolah di Jalan Disa, Sibu, dengan 20 daripada 199 individu disaring, didapati positif COVID-19," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, bagi Kluster Jalan Maktab di daerah Sepang dan Hulu Langat di Selangor serta Putrajaya, kes indeksnya adalah seorang lelaki tempatan berusia 41 tahun yang dilaporkan positif COVID-19 pada 15 April lalu, hasil saringan individu bergejala.

Beliau berkata, kluster berkenaan membabitkan sebuah institusi pendidikan di Jalan Maktab, Bandar Baru Bangi dan sembilan daripada 42 individu disaring disahkan dijangkiti COVID-19.




*Anggota polis mengawal pagar utama Kolej Tahfiz Sains Nurul Aman, Kok Lanas yang dikenakan PKPD mulai semalam.* (Foto Nik Abdullah Nik Omar /BH)

## 10 lokaliti babit tiga negeri kena PKPD

**Kuala Lumpur:** Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Diperketatkan (PKPD) akan dilaksanakan di tujuh lokaliti di Sabah serta dua di Sarawak dan satu di Kelantan, selama 14 hari bermula hari ini.

PKPD di Sabah membabitkan Sekolah Menengah Agama di Kota Kinabalu; Kampung Bikang; Kampung Kadumu dan Taman Khazanah Indah di Lahad Datu serta kawasan perumahan Taman Hilltop, Taman Bukit Bintang dan Taman Berkley di Tawau.

Di Sarawak, Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata PKPD dikenakan di Taman Mesra Bako, Kuching dan Kampung Tengah, Betong, manakala di Kelantan pula membabitkan Sekolah Menengah Sains Machang.

Beliau juga memaklumkan, PKPD di Universiti Malaysia Sabah (UMS), Kota Kinabalu akan dilanjutkan selama 14 hari lagi mulai Isnin ini selepas Kementerian Kesihatan (KKM) melaporkan masih berlaku penularan jangkitan COVID-19 secara berterusan dalam kalangan penghuni asrama universiti itu.

"Kerajaan sebelum ini melaksanakan PKPD di UMS membabitkan Kolej Kediaman Tun Mustapha, Kolej Kediaman Tun Fuad serta Kolej Kediaman Tun Pengiran Ahmad Raffae dan kemudian meliputi keseluruhan kampus UMS.

KKM hingga kini melaksanakan 4,524 ujian saringan dan daripada jumlah itu, 28 kes positif COVID-19 direkodkan di lokaliti itu.

"Terdapat 1,956 sampel saringan jangkitan itu belum mendapat keputusan. Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, kerajaan bersetuju melanjutkan PKPD di UMS bermula 19 April hingga 2 Mei ini," katanya dalam kenyataan, semalam.

## Petugas kesihatan divaksin positif tak alami gejala teruk

**Kuala Lumpur:** Semua petugas kesihatan yang dijangkiti COVID-19 selepas menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin, mengalami gejala yang tidak teruk, kata Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

"Memang jelas kita masih boleh dijangkiti selepas lengkapkan vaksinasi. Namun, jangkitan itu tidaklah teruk sangat," katanya dalam hantaran Facebook beliau, semalam.

Katanya, walaupun vaksin membawa sedikit harapan dalam perjuangan melawan penyakit itu, orang ramai perlu ingat itu tidak bermakna mereka boleh mengabaikan langkah kesihatan awam, selepas vaksinasi mereka lengkap.

Dr Noor Hisham berkata, tidak ada sesiapapun yang terjamin selamat sehingga semua orang selamat dan meminta orang ramai, agar terus mematuhi semua langkah pencegahan.

Beliau berkata, 40 petugas kesihatan dijangkiti COVID-19 selepas melengkapkan dos vaksinasi mereka, dengan sembilan orang dilaporkan dijangkiti selepas lebih dua minggu menerima dos kedua, sementara 31 lagi dijangkiti dalam tempoh kurang daripada dua minggu, selepas inokulasi.

Dr Noor Hisham berkata, seramai 142 petugas kesihatan dijangkiti selepas menerima dos pertama, manakala 244 orang pula dijangkiti sebelum menerima vaksin berkenaan.

BERNAMA

**AKHBAR : BERITA HARIAN**
**MUKA SURAT : 8**
**RUANGAN : NASIONAL**

Penularan COVID-19

# Jangkitan wabak masih dalam gelombang ketiga

## Jumlah penularan kes belum turun ke paras garis dasar

Oleh Rafidah Mat Ruzki
fidahruzki@bh.com.my

**Putrajaya:** Penularan wabak COVID-19 masih lagi dalam gelombang ketiga, berikutan jumlah kes masih belum turun ke paras garis dasar.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba, berkata kesimpulan itu dibuat berdasarkan kepada data dan fakta yang sedia ada di Kementerian Kesihatan (KKM), apabila kes terendah yang pernah dicatatkan dalam gelombang ketiga berada sekitar 900 kes.

Beliau berkata, berbeza dengan penularan gelombang kedua sebelum ini, apabila sifar kes tempatan dicatatkan untuk beberapa hari, bilangan kes harian ketika ini masih lagi empat angka, selain menunjukkan trend peningkatan.

"KKM mendapati sejak empat minggu kebelakangan ini kes harian tidak turun. Benar kita membuat unjuran jika kadar kebolehjangkitan pada paras 0.8, kes akan turun tetapi sejak dua tiga hari lalu, ia kembali meningkat dan mengikut kadar 1.2.

"Ini berhubung kait dengan kadar pematuhan terhadap prosedur operasi standard (SOP). Gelombang keempat itu biasanya kita akan isytihar apabila sesuatu gelombang itu sudah mencecah 'baseline'," katanya semalam.

Beliau berkata, ketika ini bilangan kes harian masih belum sampai ke garis dasar dan menganggap bilangan kes tinggi itu sebagai lonjakan dalam gelombang ketiga.

Katanya, KKM melihat aktiviti yang berjalan pada awal April apabila ada kelonggaran kepada ibu bapa menghantar anak ke asrama, majlis kenduri kahwin dan keramaian, mencetuskan jangkitan yang sedang dikesan serta direkodkan sejak beberapa hari lalu.

Beliau berkata, ketika ini KKM bimbang apabila Ramadan bermula dan kelonggaran untuk penganjuran bazar diberikan, berlaku ketidakpatuhan terhadap SOP seperti yang diadukan kepada pihaknya.

Untuk itu, Dr Adham berkata, penganjur bazar Ramadan patut memperketat SOP serta meminta anggota penguat kuasa pihak berkuasa tempatan (PBT) yang sudah diturun kuasa daripada KKM, mengambil tindakan.

Beliau berkata, pihaknya tidak mahu bazar Ramadan dihentikan berikutan aktiviti ekonomi perlu terus berjalan, kecuali di kawasan yang kini menjalani Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) seperti di beberapa daerah di Kelantan atau PKP Diperketat (PKPD).

"Penganjur perlu menyediakan semua keperluan untuk pematuhan kepada SOP. Kuasa kompaun juga sudah diberikan kepada PBT untuk mengambil tindakan selain polis, KKM, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri daan Hal Ehwal Pengguna (KPDHEP) dan Jabatan Imigresen," katanya.

# Sarawak tangguh acara kerajaan negeri

**Kuching:** Semua program kerajaan Sarawak termasuk acara membabitkan Ketua Menteri, ditangguhkan selama 14 hari, mulai semalam.

Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Amar Jaul Samion, berkata mesyuarat fizikal juga tidak dibenarkan dalam tempoh berkenaan, sebaliknya hanya boleh diadakan secara maya.

Beliau berkata, perjalanan keluar daerah turut tidak dibenarkan kecuali terdapat keperluan mendesak dan mendapat kelulusan ketua jabatan.

"Arahan ini dikeluarkan susulan arahan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) Sarawak, Khamis lalu, berikutan peningkatan mendadak kes jangkitan COVID-19 di negeri ini sejak Januari lalu dengan jumlah positif tertinggi harian sebanyak 960 kes dicatatkan semalam (kelmarin).

"Peraturan larangan pergerakan dan mesyuarat fizikal ini untuk perkhidmatan awam seluruh Sarawak, dikeluarkan semalam (kelmarin)," katanya.

Jangkitan dilaporkan di 27 daerah dengan empat daerah iaitu Kuching, Bintulu, Miri dan Mukah mencatatkan jumlah kes tiga angka.

Di **Melaka**, kerajaan Melaka masih tidak membenarkan warga asing untuk menyertai sebarang aktiviti ibadah di masjid dan surau di negeri itu.

Mufti Melaka, Datuk Wira Abdul Halim Tawil, berkata keputusan yang dipersetujui itu adalah bertujuan mengekang penularan wabak COVID-19 yang sebelum ini banyak dikaitkan berpunca daripada pekerja asing.

Beliau berkata, kerajaan negeri juga tidak menggalakkan kanak-kanak yang berusia enam tahun ke bawah untuk turut serta dalam aktiviti di masjid dan surau kerana lebih terdedah dengan wabak itu.

"Kita faham ramai ibu bapa mahu mendidik anak mereka supaya dekat dengan rumah Allah terutama pada Ramadan ini, namun ia bergantung kepada situasi semasa penularan wabak ini (COVID-19).

"Sebab itulah kita memutuskan tidak digalakkan kanak-kanak ke masjid dan surau sebagai langkah keselamatan," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Abdul Halim berkata, kerajaan negeri menerusi Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM) sudah mengedarkan surat pekeliling kepada masjid dan surau di negeri itu untuk membenarkan aktiviti ibadah dilakukan sepanjang Ramadan ini.

# Tindakan tegas jika tak patuhi SOP



*Anggota Penguat Kuasa DBKL memantau pengunjung yang hadir agar mematuhi SOP di Bazar Aidilfitri, Jalan Tuanku Abdul Rahman, Kuala Lumpur, semalam.* (Foto Aziah Azmee/BH)

**Kuala Lumpur:** Polis tidak akan berkompromi mengenai pematuhan prosedur operasi standard (SOP) di 16 bazar Ramadan dan bazar Aidilfitri di seluruh ibu kota, termasuk bazar Aidilfitri di Jalan Tuanku Abdul Rahman atau lebih popular Jalan TAR yang bermula semalam.

Ketua Polis Daerah Dang Wangi, Asisten Komisioner Mohamad Zainal Abdullah berkata, terdapat 208 lesen diluluskan bagi menjalankan aktiviti perniagaan di bazar di Jalan TAR, yang menjadi tumpuan utama warga kota sejak sekian lama.

"Hari ini (semalam), bermula bazar Aidilfitri di Jalan Tuanku Abdul Rahman, pemantauan akan dilakukan bagi memastikan orang ramai dan penganjur mematuhi SOP. Tindakan akan diambil jika mana-mana pihak melanggar SOP ditetapkan, tiada kompromi," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Mohamad Zainal juga menasihat orang ramai yang mengunjungi bazar agar sentiasa berwaspada dengan jenayah seperti ragut dan penyeluk saku.

Sementara itu, Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah, berkata Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mengkaji keperluan melarang warga emas dan kanak-kanak daripada mengunjungi bazar Ramadan, bersandarkan beberapa faktor dan fakta sains, selain perbincangan teliti dengan pihak berkuasa berkaitan.

"Kunjungan ke bazar Ramadan bagi mendapatkan juadah berbuka ketika ini dilihat menjadi aktiviti seisi keluarga. Justeru, kita kena tengok sama ada langkah melarang warga emas dan kanak-kanak daripada mengunjungi bazar Ramadan praktikal atau sebaliknya.

"Matlamat utama langkah sedemikian ialah mengekang risiko penularan COVID-19 kepada golongan rentan, tetapi ia juga berupaya dilakukan menerusi pengubahsuaian tapak bazar Ramadan dan kawalan pematuhan SOP. Kita akan bincang keperluan larangan ini dengan lebih lanjut bersama pegawai dan agensi berkaitan.

"Buat masa ini, saya ingin sarankan untuk seisi keluarga membuat perancangan sendiri dalam mengatur siapa yang perlu beli juadah dan selebihnya, mungkin boleh tunggu di ruang terbuka serta terpisah daripada kawasan sesak," katanya ketika dihubungi *BH*, semalam.

Tinjauan *BH* ke pasar malam setiap Sabtu yang kini menjadi bazar Ramadan di Jalan TAR petang semalam, mendapati orang ramai tidak melepaskan peluang berkunjung bagi mendapatkan pelbagai juadah berbuka, menjadikan keadaan agak sesak.

Penganjur bagaimanapun menempatkan sekurang-kurangnya dua petugas di laluan masuk dan keluar bazar bagi mengawal pematuhan SOP, termasuk mengambil suhu badan, mendaftar di aplikasi MySejahtera dan meletakkan pelekat kepada pengunjung yang melepasi saringan.

Gerai turut dijarakkan sekurang-kurangnya 1.5 meter bagi memastikan penjarakan fizikal pengunjung, malah ruang hadapan ditanda beberapa garisan untuk mengawal aliran keluar masuk ketika berurus niaga.

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 23
RUANGAN : DUNIA

Penularan COVID-19

# Vaksin Coronavac berkesan cegah kematian 80 peratus

## Hasil kajian berdasarkan data kempen inokulasi di Chile

**Santiago:** Vaksin Coronavac buatan China berkesan sehingga 67 peratus untuk mencegah kes COVID-19 tanpa simptom dan 80 peratus bagi mengelak kematian.

Hasil kajian itu dikeluarkan kelmarin, menerusi bukti data kempen inokulasi di Chile.

Menteri Kesihatan, Enrique Paris, berkata data sepanjang Februari dan Mac lalu ketika Chile melaksanakan program vaksinasi itu seharusnya menenangkan semua negara.

Data itu diperoleh daripada perbandingan antara mereka yang sudah divaksin sepenuhnya, divaksin dengan hanya satu dos dan tidak divaksin, membabitkan jumlah keseluruhan sebanyak 10.5 juta sampel.

Malah, kajian juga menunjukkan pemberian vaksin 85 peratus berkesan dalam menghalang rawatan di hospital akibat simptom serius dan 89 peratus mencegah kemasukan ke rawatan rapi.

Chile ketika ini mahu menyuntik vaksin sebanyak 80 peratus atau 15.2 juta penduduk negara itu dan ia dilihat paling ke hadapan di Amerika Latin, malah kempen inokulasinya antara yang paling pesat berkembang di dunia.

Jumaat lalu, Chile berjaya memberikan sekurang-kurang satu dos vaksin kepada 7.6 juta rakyatnya dan keduadua dos pula kepada lima juta penduduk, iaitu satu pertiga penduduk yang disasarkan di negara itu.

Kempen vaksinasi Chile bermula pada sambutan Krismas lalu, didahului dengan petugas kesihatan, disusuli golongan berusia.

Vaksin Coronavac dihasilkan firma China, Sinovac dan mendominasi 86.9 peratus kempen vaksinasi di Chile dan selebihnya akan diberikan suntikan Pfizer/BioNtech. AFP



Kempen vaksinasi Chile menggunakan 86.9 peratus vaksin Coronavac buatan China dan selebihnya Pfizer/BioNtech. (Foto AFP)

# Purata 200,000 kes baharu di New Delhi setiap hari



*Suasana lengang selepas New Delhi mengenakan perintah berkurung.* (Foto AFP)

**New Delhi:** New Delhi dikenakan perintah berkurung semalam berikutan purata lebih 200,000 kes jangkitan harian baharu dikesan sejak beberapa hari kebelakangan ini.

Ia sekali gus meranapkan harapan negara Asia Selatan menentang pandemik selepas kes di India sahaja melonjak kepada dua juta bulan ini, mendorong Bangladesh dan Pakistan turut melaksanakan perintah berkurung.

Meskipun kadar per kapita itu masih rendah jika dibandingkan pada peringkat antarabangsa, ia dikhuatiri menjadi penyebab penambahan jangkitan, mungkin dipacu oleh 'mutasi berganda' yang baru.

Banyak negeri juga dilihat sudah terkesan, termasuk kawasan panas di Maharashtra, kawasan industri berat Gujarat dan hab teknologi maklumat Karnataka.

Negeri Uttar Pradesh yang mempunyai 240 juta penduduk turut mengumumkan semua kampung dan bandar akan diletakkan di bawah perintah berkurung selama sehari esok.

Di ibu negara, New Delhi, yang dilihat sudah melebihi jangkitan coronavirus di Mumbai pula menutup restoran, pasar raya, gimnasium dan spa pada hujung minggu.

Lebih memburukkan keadaan, hospital kini kekurangan bekalan oksigen dan ubat coronavirus seperti Remdesivir, menyebabkan banyak pihak yang terdesak membayar harga melampau bagi mendapatkan ubat itu di pasaran gelap.

AFP melaporkan, doktor menyatakan trend terbaru kes menunjukkan peningkatan jumlah pesakit COVID-19 berusia 45 tahun ke bawah, termasuk kanak-kanak, turut membimbangkan.

"Tahun lalu, kita tidak begitu melihat kehadiran kanak-kanak yang mempunyai simptom COVID-19," kata perunding di Hinduja National Hospital, Khusrav Bajan.

Hasrat India untuk menyuntik vaksin bagi 1.3 bilion penduduknya juga terhalang selepas hanya 117 juta dos suntikan diberikan setakat ini, malah stok vaksin yang ada juga semakin kehabisan. AFP

# Australia teruskan kajian semula dos AstraZeneca

**New South Wales:** Menteri Kesihatan, Greg Hunt, semalam berkata, Australia akan meneruskan kajian semula vaksin COVID-19 selepas kematian wanita berusia 48 tahun yang mungkin berkaitan dengan inokulasi.

Kelmarin, Australia melaporkan kematian pertama berkaitan pembekuan darah ke atas penerima suntikan vaksin AstraZeneca.

Ini adalah kes ketiga pembekuan darah yang jarang terjadi kepada orang yang sudah diberikan vaksin di negara itu.

"Kerajaan akan meminta ATAGI (Kumpulan Penasihat Teknikal Australia mengenai Imunisasi) untuk memastikan kajian berterusan terhadap semua vaksin dari segi keselamatan dan keberkesanannya," kata Hunt melalui taklimat di televisyen.

Strategi di New South Wales sedang dikaji menjelang mesyuarat kabinet nasional pada Isnin ini (esok), yang juga kemungkinan akan membentangkan mengenai suntikan AstraZeneca kepada orang yang berusia lebih daripada 50 tahun.

Kerajaan Persekutuan menghadapi kritikan berterusan atas kelewatan dalam program inokulasi negara, dengan Perdana Menteri, Scott Morrison, minggu ini menolak untuk menetapkan tarikh sasaran baru bagi semua rakyat Australia untuk menerima suntikan pertama mereka.

Kira-kira 1.2 juta rakyat negara itu daripada keseluruhan populasi 25.8 juta sudah menerima dos pertama vaksin.

Pentadbiran Barang Terapi (TGA) awal minggu ini menyatakan, setakat ini ada sekurang-kurangnya 885,000 dos vaksin AstraZeneca yang diberikan di Australia, bersamaan kekerapan berlakunya pembekuan darah dalam setiap 295,000 kes.

Hunt juga berkata, keputusan sama ada akan mengutamakan atlet dan staf sokongan dalam pemberian vaksin COVID-19 bagi Olimpik Tokyo akan segera diambil pada minggu akan datang.

"Kami ingin melihat Olimpiad ke Olimpik dan kami ingin melihat mereka selamat," katanya.

Kerajaan NSW melaporkan, tiada ada kes baharu COVID-19 yang diperoleh secara tempatan dalam 24 jam dan tujuh kes baharu adalah membabitkan mereka yang tiba ke negara itu, menjadikan jumlah jangkitan ialah 5,181 kes. AGENSI

AKHBAR : KOSMO AHAD!
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NEGARA!

Saringan bersasar pelajar kesan kluster baharu di Sarawak

# Kes aktif hampir cecah 20,000

Oleh SITI A'ISYAH SUKAIMI

**PUTRAJAYA** – Saringan bersasar terhadap pelajar sebuah sekolah pada 17 April lalu mengesan satu lagi kluster baharu melibatkan kluster sekolah atau institusi pendidikan Kementerian Pendidikan (KPM) membabitkan daerah Selangau di Sarawak.

Kluster tersebut dikenali sebagai Kluster Ulu Balingian melibatkan pelajar sebuah sekolah di Ulu Balingian dengan 101 kes dikesan hasil saringan terhadap 200 individu.

Ia antara lapan kluster baharu dikesan semalam merangkumi empat kluster tempat kerja, tiga kluster sekolah atau institusi pendidikan KPM dan satu kluster komuniti yang menyumbang kepada 2,331 kes harian negara dengan jumlah kes positif Covid-19 mencecah 372,859 kes.

Jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan pula menghampiri 20,000 kes dengan 19,094 kes, manakala sebanyak 1,832 kes sembuh dan jumlah kumulatif kes sembuh sepenuhnya daripada Covid-19 sebanyak 352,395 kes.

Dalam masa sama, Selangor melaporkan kes tertinggi sebanyak 751 kes dengan 623 kes daripada kluster-kluster dan saringan kontak rapat kes positif yang aktif dijalankan di lapangan, diikuti oleh Sarawak sebanyak 512 kes dan Kuala Lumpur sebanyak 252 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, kluster baharu lain yang dilaporkan ialah Kluster Jalan Ding Lik Kwong di Sibu, Sarawak dengan 16 kes serta melibatkan sebuah institusi awam di Jalan Ding Lik Kwong, Sibu.

"Selain itu, Kluster Jalan Damai Tawau di Tawau, Sabah dengan 14 kes yang melibatkan sebuah pusat perkhidmatan di Jalan Damai, Tawau serta Kluster Bukit Quoin di Tawau dengan 11 kes melibatkan sebuah institusi awam di Hill Tawau, Sabah.

"Kluster Jalan Wawasan Lima pula di Batu Pahat, Johor dengan 10 kes serta melibatkan sebuah kilang di Jalan Wawasan 5, Batu Pahat," katanya dalam kenyataan akhbar di sini semalam.



**WARGA kota mengambil peluang cuti hujung minggu berkunjung di pusat beli-belah Sogo, Kuala Lumpur semalam.** – AMIR KHALID

Beliau berkata, dua lagi kluster sekolah atau institusi pendidikan KPM ialah Kluster Jalan Disa di Sibu, Sarawak dengan 20 kes iaitu kes indeks wanita berusia 45 tahun serta melibatkan sebuah sekolah di Jalan Disa, Sibu.

Katanya, Kluster Jalan Maktab di Sepang dan Hulu Langat, Selangor dan Putrajaya dengan sembilan kes iaitu kes indeks lelaki berusia 41 tahun serta melibatkan sebuah institusi pendidikan di Jalan Maktab, Bandar Baru Bangi, Sepang.

Noor Hisham berkata, satu lagi kluster komuniti ialah Kluster Seri Kuantan di Kuantan, Pahang dan Cheras, Kuala Lumpur dengan 18 kes iaitu kes indeks lelaki berusia 22 tahun dan melibatkan sebuah majlis yang berlangsung di Kuala Lumpur pada 10 April.

Tambah beliau, terdapat lima kematian di Selangor, Sabah dan Sarawak membabitkan dua lelaki dan tiga wanita berusia antara 61 hingga 86 tahun menjadikan sebanyak 1,370 kes kematian Covid-19.

**COVID-19**

**Angka terkini kes Covid-19 di Malaysia sehingga semalam**

| Jumlah | |
|---|---|
| Kes baharu | 2,331 |
| Import: | 12 |
| Tempatan: | 2,319 |
| Pulih | 1,832 |
| Kematian | 5 |
| Masih dirawat | 19,094 |
| Jumlah kes sembuh | 352,395 |
| Jumlah Kematian | 1,370 |
| Jumlah kes keseluruhan | 372,859 |

# Enam lagi PKPD dilaksanakan esok

**PETALING JAYA** – Kerajaan akan melaksanakan enam lagi Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di tiga negeri bermula hari ini sehingga 1 Mei depan.

Menteri Kanan Keselamatan, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, antara kawasan PKPD itu melibatkan Kampung Tengah, Betong, Sarawak dan Sekolah Menengah Sains Machang Kelantan.

"Selain itu, ia turut melibatkan kawasan di Taman Mesra Bako, Kuching, Sarawak dan Sekolah Menengah Kota Kinabalu, Sabah.

"PKPD juga akan dilaksanakan di Lahad Datu, Sabah meliputi Kampung Bikang, Kampung Kadumu dan Taman Khazanah Indah," katanya dalam kenyataan semalam.

Katanya, tiga taman perumahan di daerah Tawau, Sabah juga dikenakan PKPD susulan peningkatan kes Covid-19 di kawasan terbabit.

"Ia melibatkan Taman Hilltop, Taman Bukit Bintang dan Taman Berkley," ujar beliau.

Sementara itu, kerajaan turut bersetuju menamatkan tiga PKPD melibatkan Kampung Pagalungan Ansip dan daerah Keningau, Sabah.

"Penamatan PKPD turut melibatkan Kampung Kalindukan, Nabawan, Sabah serta lima kawasan di daerah Pekan, Pahang," jelasnya.

Katanya, kerajaan turut menamatkan PKP di daerah Keningau, Sabah esok seperti dijadualkan.



**KERAJAAN menguatkuasakan PKPD bagi melakukan ujian saringan Covid-19 di lokaliti yang mempunyai kadar kebolehjangkitan tinggi dalam komuniti.** – GAMBAR HIASAN

# Terengganu catat R-naught tertinggi

**PETALING JAYA** – Terengganu mencatatkan kadar kebolehjangkitan atau atau R-naught (R0/Rt) tertinggi dengan 1.34 melebihi kadar seluruh negara iaitu 1.18 setakat kelmarin.

Kadar kebolehjangkitan pada jangkaan mengikut kes seharian pada 16 April lalu untuk seluruh negara terus menunjukkan trend peningkatan berbanding kelmarin 1.17 manakala 1.14 pada Rabu.

Menurut data yang dikongsi Kementerian Kesihatan di Twitter, terdapat empat negeri serta Kuala Lumpur dan Putrajaya mencatatkan R0/Rt melebihi kadar seluruh negara.

Selain Terengganu diikuti Kelantan dengan kadar 1.30, Sarawak (1.28), Sabah dan Kuala Lumpur masing-masing 1.22 serta Putrajaya (1.19).

Pahang berada pada kadar 1, manakala Pulau Pinang dan Johor yang berada di bawah kadar 1 iaitu masing-masing 0.9 dan 0.95.

Perlis hanya mencatatkan dua kes dan Labuan satu kes.

Negeri-negeri lain yang melebihi kadar 1 adalah Selangor (1.04), Melaka (1.09), Negeri Sembilan (1.08), Kedah (1.07) dan Perak (1.09).

Menerusi data yang sama, kali terakhir kadar R0/Rt seluruh negara berada di bawah paras 1 ialah pada 6 April lalu iaitu pada 0.98.



**KKM berkongsi data berhubung perkembangan semasa Covid-19 di Twitter rasminya.**

AKHBAR : KOSMO AHAD!
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : NEGARA!

40 individu kena Covid-19 selepas ambil dua dos vaksin, 142 lagi setelah dos pertama

# 182 petugas kesihatan dijangkiti

Oleh SITI A'ISYAH SUKAIMI

**PUTRAJAYA** – Sebanyak 40 petugas kesihatan dijangkiti Covid-19 selepas sempurna mendapatkan dua dos suntikan vaksin sehingga 15 April lalu.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, angka tersebut melibatkan 31 kes yang dilaporkan dijangkiti kurang dua minggu selepas mendapat dos kedua vaksin Covid-19.

Katanya, sembilan kes selebihnya dijangkiti selepas dua minggu melengkapkan dua dos suntikan vaksin.

"Pada masa sama, sebanyak 142 kes petugas kesihatan yang dijangkiti selepas menerima dos pertama.

"Bagaimanapun, apa yang penting kesemua mereka tidak mengalami gejala yang teruk," katanya dalam kenyataan di Facebook beliau semalam.

Dalam pada itu, beliau berkata, mereka yang sudah menerima vaksin Covid-19 masih boleh dijangkiti biarpun telah selesai mendapatkan suntikan tersebut, namun berkemungkinan gejala dialami adalah kurang teruk.

"Walaupun vaksin memberi harapan untuk berperang melawan Covid-19, kita tidak boleh melakukan kesilapan dengan melonggarkan langkah kesihatan awam selepas program vaksin dijalankan.

"Tiada seorang yang selamat sehinggalah semua orang selamat. Teruskan untuk mematuhi semua langkah kesihatan awam," katanya.

Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK) bermula pada 24 Februari lalu apabila Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin menjadi individu pertama di negara ini menerima vaksin.

Dalam fasa pertama PICK menyasarkan untuk imunisasi kira-kira 500,000 petugas barisan hadapan antara hujung Februari hinga April.

Fasa 2 PICK pula dijadualkan bermula April hingga Ogos depan, untuk kira-kira 9.4 juta warga emas berusia 60 tahun ke atas termasuk golongan berisiko tinggi.



GAMBAR fail menunjukkan petugas barisan hadapan beratur menunggu giliran untuk mengambil vaksin di Klinik Kesihatan Kuala Lumpur.

# 20 peniaga kerugian selepas Bazar Tok Adis ditutup




BAZAR Ramadan Tok Adis diarah tutup selama 14 hari berkuat kuasa kelmarin oleh Jabatan Kesihatan Terengganu kerana gagal mematuhi SOP yang ditetapkan.

Oleh MOHD. AZLI ADLAN

**KUALA TERENGGANU** – Seramai 200 peniaga menggigit jari apabila Bazar Ramadan Tok Adis di sini diarahkan tutup selama 14 hari oleh Jabatan Kesihatan Terengganu bermula kelmarin.

Ia merupakan bazar Ramadan pertama di negara ini yang dikenakan tindakan tersebut ekoran kegagalan mematuhi prosedur operasi standard (SOP) norma baharu ditetapkan.

Difahamkan, tindakan menutup sementara operasi Bazar Ramadan Tok Adis sehingga 30 April depan dilakukan setelah penganjur didapati gagal mengawal kemasukan pengunjung.

Pengarah Kesihatan Terengganu, Dr. Nor Azimi Yunus berkata, penutupan bazar Ramadan itu bermula pukul 8 malam kelmarin selaras dengan Seksyen 18, Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988.

"Arahan penutupan bazar tersebut bukanlah dilakukan secara mengejut kerana pegawai penguat kuasa Jabatan Kesihatan bertugas telah memberikan ingatan dan nasihat (kepada penganjur) sebelum ini," katanya kepada *Kosmo!* di sini semalam.

Nor Azimi berkata, penutupan bazar Ramadan tersebut bukan berniat hanya menghukum tetapi memberi ruang kepada penganjurnya untuk memperkemas SOP norma baharu di tapak perniagaan terbabit.

Sementara itu, seorang peniaga, Ahmad Korim, 50, yang berniaga mi sup mengakui tidak keruan tidak dapat berniaga untuk tempoh hampir setengah bulan apabila bazar itu ditutup.

Ujarnya, kemasukan pengunjung yang tidak dikawal di bazar Ramadan tersebut disebabkan kegagalan penganjur menyediakan petugas mencukupi.

"Saya tidak salahkan ketegasan kerajaan, penganjur gagal memenuhi janji menyediakan khidmat petugas anggota Jabatan Sukarelawan Malaysia (Rela) yang mencukupi.

"Saya kecewa kerana yang menanggung kerugian yang lebih besar adalah kami golongan peniaga," dakwanya.

AKHBAR : KOSMO AHAD!
MUKA SURAT : 34
RUANGAN : DUNIA!



SEORANG jururawat menyediakan vaksin Covid-19 Sputnik V di sebuah dewan di Skopje kelmarin. – AFP




ORANG ramai keluar menikmati hidangan dan minuman di kawasan Soho, London selepas sekatan koronavirus dilonggarkan kelmarin. – AFP

Lebih 100 juta penduduk dunia dijangkiti, tiga juta nyawa melayang

# Pandemik Covid-19 terus mengganas

**NEW DELHI** – Angka kematian koronavirus di seluruh dunia mencecah tiga juta orang semalam ketika kempen imunisasi diteruskan, manakala negara seperti India bergelut dengan lonjakan jangkitan dan perintah berkurung baharu.

Virus yang muncul lewat 2019 di China dan mencetuskan pandemik itu telah menjangkiti lebih 100 juta orang setakat ini.

Bilangan penduduk berdepan perintah berkurung mencecah beberapa bilion, manakala ekonomi global hampir musnah.

Sementara itu, New Delhi menguatkuasakan perintah berkurung hujung minggu semalam ketika gelombang baharu koronavirus mengganas di India dengan lebih 200,000 kes baharu dicatatkan setiap hari.

Harapan bahawa negara Asia Selatan itu dapat mengalahkan pandemik musnah dengan India merekodkan dua juta kes baharu Covid-19 pada bulan ini sahaja manakala jirannya, Bangladesh dan Pakistan turut melaksanakan perintah berkurung.

Kadar perkapita di India, namun masih rendah berdasarkan perbandingan antarabangsa sekali gus meningkatkan kebarangkalian bilangan jangkitan akan terus meletus. Penularan kali ini antara lain bermungkinan disebabkan varian mutasi berganda Covid-19 yang amat mudah berjangkit.

Selepas perintah berkurung setahun lalu membawa kepada beratus-ratus kematian dan kemelesetan ekonomi antara paling buruk di India, kerajaan kini terdesak untuk mengelakkan langkah tersebut.



POLIS menahan kenderaan semasa pelaksanaan perintah berkurung hujung minggu di New Delhi semalam. – AFP

Bagaimanapun, banyak negeri mengambil langkah memperketatkan sekatan termasuk Maharashtra, Gujarat dan Karnataka.

Uttar Pradesh yang mempunyai 240 juta penduduk pula mengumumkan kelmarin bahawa semua kampung dan bandar di negeri itu akan diletakkan di bawah perintah berkurung sehari pada hari ini.

Di New Delhi, semua restoran, gimnasium, pusat beli-belah dan spa ditutup pada hujung minggu. Ibu kota India itu memintas Mumbai sebagai bandar paling teruk terjejas akibat Covid-19.

Majlis perkahwinan bagaimanapun masih boleh diadakan dengan tetamu terhad kepada 50 orang, manakala maksimum 20 orang utuk majlis pengebumian. Pawagam juga boleh dibuka dengan satu pertiga daripada kapasiti sebenar.

"Jangan panik. Semua perkhidmatan penting beroperasi sepanjang hujung minggu," kata Ketua Menteri New Delhi, Arvind Kejriwal. Bandar raya itu mempunyai 25 juta penduduk.

Negeri Uttarakhand di utara India turut mengambil langkah serupa dengan mengehadkan perhimpunan kepada 200 orang tetapi pengecualian diberikan untuk festival agama Hindu, Kumbh Mela.

> Di New Delhi, semua restoran, gimnasium, pusat beli-belah dan spa ditutup pada hujung minggu. Ibu kota India itu kini memintas Mumbai sebagai bandar raya paling terjejas teruk akibat Covid-19."

Perhimpunan di Haridwar itu menarik kira-kira 25 juta pengunjung sejak Januari lalu termasuk 4.6 juta orang pada minggu ini sahaja dengan kebanyakan mereka tidak mengendahkan garis panduan Covid-19.

Seorang tukang tilik meninggal dunia Khamis lalu akibat jangkitan Covid-19, manakala 80 orang suci Hindu positif ujian saringan. Pakar-pakar bimbang berjuta-juta peserta festival itu akan menyebarkan wabak apabila pulang ke tempat asal masing-masing.

Usaha India untuk menvaksinasi 1.3 bilion rakyatnya turut berdepan halangan. Setakat ini, kerajaan telah memberikan hanya 117 juta suntikan vaksin Covid-19, manakala stok vaksin dilaporkan hampir kehabisan. – **AFP**

AKHBAR : SINAR AHAD
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT

# Bazar Ramadan Tok Adis diarah tutup

Bazar pertama di Terengganu diarah tutup selama 14 hari kerana gagal patuh SOP

Oleh RAHAYU MUSTAFA

KUALA TERENGGANU

FOTO: BERNAMA




Bazar Ramadan Tok Adis dekat Kuala Ibai, Kuala Terengganu diarah tutup selama 14 hari sehingga 30 April ini.

Bazar Ramadan Tok Adis, Kuala Ibai di sini menjadi bazar pertama di Terengganu diarah ditutup selama 14 hari bermula Jumaat hingga 30 April ini.

Pengarah Kesihatan Negeri Terengganu, Dr Nor Azimi Yunus berkata, perintah penutupan itu dikeluarkan kerana tidak mematuhi prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan.



DR NOR AZIMI

Menurutnya, notis penutupan dikeluarkan mengikut Seksyen 18 (1) (f), Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342).

"Pegawai penguat kuasa telah melakukan pemantauan di lokasi itu selama beberapa hari dan kita dapati banyak berlaku pelanggaran SOP.

"Nasihat sudah diberikan dan kita berharap penganjur dapat memperkemaskan SOP yang ditetapkan selain memastikan ia dipatuhi oleh peniaga serta pengunjung.

"Penutupan ini juga dilakukan mengikut prosedur ditetapkan dan diharap ia menjadi iktibar kepada semua agar mereka tidak cuai dalam pematuhan SOP," katanya ketika dihubungi *Sinar Ahad* di sini pada Sabtu.

Sebelum itu, tular dalam media sosial mengenai notis penutupan bazar Ramadan Tok Adis, Kuala Ibai yang dikeluarkan Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu (JKNT).

Pada Jumaat, Terengganu merekodkan 16 kes baharu menjadikan keseluruhan kes positif Covid-19 aktif sebanyak 247 kes dan semua pesakit berada dalam keadaan stabil serta diberikan rawatan biasa.

Terdapat lapan kluster aktif di negeri ini iaitu Kluster Ladang Bukit, Chendering Height, Wakaf Chagak, Kampung Belaoh, Kampung Tanjung, Ara Murni, Jalan Kota Kubang Labu dan terbaharu Kluster Taman Rakyat yang didaftarkan pada 15 April.

## KKM belum cadang tutup sekolah kawasan PKP

IPOH - Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) belum bercadang untuk menutup sekolah-sekolah di kawasan yang dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr Mah Hang Soon berkata, pengoperasian sekolah pada masa ini didapati tidak berdepan sebarang masalah kerana mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan.

"Kenyataan daripada Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba sebelum ini cukup jelas menyatakan perihal SOP pengoperasian sekolah.

"Kalau semua pihak mengamati, melaksanakan dan mengikuti SOP yang sudah ditetapkan dengan secara sebaiknya, maka saya percaya pengoperasian sekolah tidak akan menghadapi masalah yang besar," katanya di sini pada Sabtu.



HANG SOON

Katanya, kerajaan sentiasa memberi keutamaan dalam aspek keselamatan dan kesihatan pelajar, namun penutupan kembali sekolah selepas hampir setahun tidak beroperasi boleh memberi kesan kepada pembelajaran.

"Dari segi pembelajaran bahasa mungkin masih boleh lagi *catch up* lagi, tetapi subjek tertentu seperti Matematik dan Sains, jika tidak belajar mereka tidak dapat meneruskan pembelajaran subjek seterusnya yang berkaitan," katanya.

Beliau berkata, dalam kebanyakan kes Covid-19 membabitkan guru atau pelajar, jangkitan berlaku dari luar dan bukan dalam kawasan sekolah.

"Jadi dari segi risiko, sebaran atau merebaknya risiko jangkitan antara murid tidak tinggi berbanding di bazar, pasar raya dan sebagainya," katanya.

Terbaharu pada Rabu, kerajaan memutuskan untuk menguatkuasakan PKP selama dua minggu di tujuh daerah di Kelantan iaitu Kota Bharu, Pasir Mas, Pasir Puteh, Bachok, Machang, Tumpat dan Tanah Merah.

## Enam pemain di ABM positif Covid-19

KUALA LUMPUR - Persatuan Badminton Malaysia (BAM) pada Sabtu mengesahkan enam pemain di Akademi Badminton Malaysia (ABM) positif Covid-19.

Menurut kenyataan BAM, kesemua pemain tersebut yang tidak mempamerkan sebarang gejala, kini menjalani kuarantin kendiri.

"Selepas perundingan dengan Kementerian Kesihatan, Majlis Sukan Negara dan Institut Sukan Negara, kesemua 91 atlet, jurulatih dan pegawai di ABM di Bukit Kiara menjalani ujian saringan, namun kesemuanya negatif," kata BAM.

Proses sanitasi menyeluruh juga telah dijalankan di ABM pada Jumaat dan latihan berkonsepkan kuarantin tersebut akan diadakan semula di Pusat Kecemerlangan Badminton Negara, manakala semua aktiviti sekolah akan dijalankan secara dalam talian untuk tempoh beberapa hari akan datang.

"Kesihatan, keselamatan dan kesejahteraan kesemua mereka yang berada di ABM merupakan keutamaan kami dan kami berharap enam atlet terbabit akan pulih secepat mungkin," kata BAM. - *Bernama*

## Malaysia belum masuki gelombang keempat Covid-19

KOTA TINGGI - Negara masih lagi mengharungi gelombang ketiga Covid-19 dan belum memasuki gelombang keempat penularan pandemik itu, kata Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba.



DR ADHAM

Beliau menjelaskan, sesuatu penularan hanya dianggap gelombang seterusnya jika jangkitan tempatan ketika gelombang semasa sudah mendatar atau mencatat kes sifar selama beberapa hari sebelum berlaku peningkatan kes baharu secara mendadak.

"Saya dapati sejak tiga minggu kebelakangan ini kes yang kita rekodkan (dalam gelombang ketiga) tidak menurun.

"Gelombang keempat Covid-19 hanya boleh berlaku sekiranya gelombang ketiga telah sampai (dapat diturunkan) ke *baseline* atau direkodkan hingga sifar dan kemudian ia (penularan) bermula semula," katanya di sini pada Sabtu.

Dr Adham berkata, Malaysia boleh mengalami gelombang keempat Covid-19 sekiranya berlaku kemerosotan kadar pematuhan prosedur operasi standard (SOP) dalam kalangan orang ramai sehingga wujud kluster baharu.

"Antara faktor menyebabkan kes meningkat ketika ini, kita lihat terdapat aktiviti pada awal April lepas seperti majlis perkahwinan, perjumpaan, keramaian termasuk mobilisasi menghantar anak pulang merentas negeri, antaranya ke sekolah dan universiti," katanya.

Pada Jumaat, negara merekodkan kes baharu harian sebanyak 2,551 kes.

Malaysia mengalami gelombang ketiga Covid-19 pada September tahun lepas dengan kes harian meningkat kepada empat angka bermula 24 Oktober iaitu sebanyak 1,228 kes.

Sementara itu, ketika mengulas kebimbangan peningkatan kes susulan kegagalan pematuhan SOP di bazar Ramadan, Dr Adham berkata, pihak berkuasa tempatan (PBT) telah diberi kuasa untuk mengenakan kompaun kepada yang melanggar SOP.

"Saya harap kompaun ini bukan menghukum tetapi mendidik orang ramai supaya tidak melakukan kesalahan itu kerana kita tahu bazar Ramadan ialah punca pendapatan peniaga kecil.

"Mereka sudah lama tidak dapat berniaga, jika kita sekat ia akan menyebabkan ekonomi (mereka) terkesan," katanya yang mahu pemantauan di bazar Ramadan ditingkatkan. - *Bernama*

**AKHBAR : SINAR AHAD**
**MUKA SURAT : 10**
**RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT**

Keberkatan

# 40 petugas kesihatan positif Covid-19

*Dijangkiti selepas melengkapkan dua dos vaksin, tidak alami simptom teruk*

Oleh MUHAMMAD ZULKARNAIN MOHD AZMAN

**KUALA LUMPUR**

Seramai 40 petugas kesihatan dijangkiti Covid-19 setelah melengkapkan dos vaksinasi mereka.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, kesemua yang dijangkiti bagaimanapun tidak mempunyai simptom yang teruk.

"Sebanyak 31 kes yang dilaporkan dijangkiti kurang dua minggu selepas mendapat dos kedua vaksin Covid-19.

"Sembilan kes selebihnya dijangkiti selepas dua minggu melengkapkan dua dos suntikan vaksin," katanya dalam satu kenyataan di laman Facebooknya pada Sabtu.

Menurutnya, mereka yang sudah menerima vaksin masih boleh dijangkiti namun, berkemungkinan gejala dialami adalah kurang teruk. Ini kerana katanya, tiada seorang pun yang selamat selagi virus itu wujud dalam komuniti.



DR NOOR HISHAM

Dalam pada itu, mengulas mengenai kes baharu Covid-19 di Malaysia, Dr Noor Hisham memaklumkan sebanyak 2,331 kes baharu Covid-19 dicatatkan pada Sabtu menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak 372,859.

"Selangor kembali menjadi negeri tertinggi mencatatkan kes baharu dengan 751 kes diikuti Sarawak (512) dan Kuala Lumpur (252).

"Kelantan pula mencatat 225 kes; Sabah (163) Pulau Pinang (116); Johor(100); Negeri Sembilan (89); Kedah (45); Perak (42); Pahang (20); dan Melaka (9).

"Sejumlah empat kes dicatatkan di Putrajaya manakala Labuan mencatat dua kes, Perlis (satu) dan Terengganu tidak merekodkan sebarang kes," katanya.

Menurutnya, sebanyak 1,832 kes sembuh dilaporkan menjadikan jumlah kumulatif kes sembuh akibat wabak itu 352,395, manakala lima lagi kematian dicatatkan.

"Kes aktif dengan kebolehjangkitan kini pada angka 19,094 manakala 225 kes memerlukan rawatan di unit rawatan rapi (ICU) dengan 92 daripadanya memerlukan bantuan pernafasan," katanya.

Beliau berkata, lapan kluster baharu dikenal pasti melibatkan empat kluster tempat kerja, tiga kluster sekolah atau institut pendidikan di Ulu Balingian dan Jalan Disa, Sarawak manakala satu kluster komuniti di Seri Kuantan, Pahang.

"Kluster tempat kerja ialah Kluster Jalan Ding Lik Kwong, Sarawak; Jalan Wawasan Lima, Johor manakala di Sabah pula ialah Jalan Damai Tawau dan Bukit Quoin," katanya.



AKHBAR : NEW SUNDAY TIMES
MUKA SURAT : 3
RUANGAN : NATION/NEWS

# New cases remain above 2,000 for third day in a row

**KUALA LUMPUR:** The number of Covid-19 cases continues to stay above 2,000, with 2,331 cases reported up to noon yesterday, said Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

This was the third day in a row daily cases had surged past the 2,000 mark in weeks.

The total number of cases stood at 372,859.

Dr Noor Hisham said most of the infections yesterday were in Selangor, with 751 cases. The state has recorded 123,158 cases.

The state with the second-highest number of cases was Sarawak, with 512, followed by Kelantan (225), Kuala Lumpur (252), Sabah (163), Penang (116), Johor (100), Negri Sembilan (89), Kedah (45), Perak (42), Pahang (20), Melaka (nine), Putrajaya (four), Labuan (two) and Perlis (one).

Terengganu saw no new cases.

He said 2,319 cases were local infections, involving 2,098 Malaysians and 221 foreigners.

"There are 12 imported cases, involving seven Malaysians and five foreigners.

"A total of 1,832 people recovered today (yesterday), bringing the total number of recoveries to 352,395."

Five fatalities were reported, raising the death toll to 1,370.

All the victims were Malaysians aged between 61 and 86.

The deaths were reported in Selangor (two), Sabah (two), and Sarawak (one).

Dr Noor Hisham said there were 19,094 active cases, and 225 patients were in Intensive Care Units, with 92 requiring breathing assistance.

Eight new clusters were reported, four of which were workplace-linked clusters, three linked to education institutions and one a community cluster.

He said Sarawak has three clusters, with two linked to educational institutions in Ulu Balingian and Jalan Disa, while another one was a workplace cluster in Jalan Ding Lik Wong.

The other educational institution-linked cluster is in Jalan Maktab in Selangor.

"Another workplace-linked cluster is in Jalan Damai Tawau and Bukit Quoin in Sabah. A new cluster involving the community is in Seri Kuantan, Pahang."

He said there were 347 active clusters.

A total of 1,168 clusters had ended, including seven clusters that ended yesterday.

"The seven are the Pulau Pisang, Bukit Marak, Dagang Permai, Perusahaan Jalan Bukit, Jalan Lapangan Terbang, Jalan Rawang and Teratai clusters."

# Health D-G: Preventive measures still needed after jabs

**KUALA LUMPUR:** Preventive measures are needed after vaccination as they can reduce the severity of Covid-19 infections, said Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

He said people could be infected after completing the two doses of vaccination, but the symptoms would be less severe.

He was referring to the 40 healthcare workers who were infected with Covid-19 after receiving their second vaccine shot.

In a Facebook post yesterday, Dr Noor Hisham said of the total, 31 healthcare workers were infected less than two weeks after the second dose, while the other nine were infected more than two weeks after.

"Another 142 healthcare workers were also infected after their first dose," he said.

"More importantly, all had less severe symptoms. It is clear that we can still be infected after the completion of the vaccination, but the symptoms could be less severe."

He added that although the vaccine gave hope in the fight against Covid-19, preventive measures were still needed.

"Make no mistake. We cannot relax all public health measures after vaccination.

"No one is safe until everyone is safe.

"Please continue to comply with all public health measures, namely 3Cs — crowded areas, confined spaces and close conversation, and the 3Ws — wash, wear and warn."

> *We cannot relax all public health measures after vaccination. No one is safe until everyone is safe. Please continue to comply with all public health measures...*
>
> **TAN SRI DR NOOR HISHAM ABDULLAH**
> Health director-general

Professor Datuk Dr Awang Bulgiba Awang Mahmud said people could get infected after vaccination as none of the vaccines had claimed to be 100 per cent effective against symptomatic infections.

"Vaccination drastically reduces the chances of severe disease (in some cases by nearly 100 per cent) and it probably reduces transmission, which is the cornerstone of herd immunity.

"If Covid-19 infection after vaccination becomes a mild illness, which is no worse than the common cold, then we can say vaccination really works."

The government launched the National Covid-19 Immunisation Programme on Feb 24.

Under phase one, vaccines were administered for free to medical and non-medical frontliners.

The second phase of the programme begins tomorrow, and it would include senior citizens aged 65 and above, high-risk groups and those with disabilities, involving some 9.4 million people.

Phase three, from May to February, will cover Malaysians and non-citizens aged 18 and above, targeting more than 13.7 million people.

On the Covid-19 infectivity rate, or R-naught (R0), Dr Noor Hisham said it stood at 1.18 on Friday.

The R0 in the states were: Terengganu at 1.34, followed by Kelantan (1.30), Sarawak (1.28), Sabah and Kuala Lumpur (1.22), Putrajaya (1.19), Perak and Melaka (1.09), Negri Sembilan (1.08), Kedah (1.07), Selangor (1.04), Pahang (1.00), Johor (0.95) and Penang (0.90).

The *New Straits Times* yesterday reported that the fourth wave, which the authorities had predicted to hit Malaysia soon, was already here.

Experts said with the rise to more than 2,000 cases for two days in a row, the fourth wave could be well underway.

AKHBAR : SUNDAY STAR
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NATION

## Covid-19: Current situation
(As at 7pm April 17, 2021)

| Malaysia | New cases | Total cases | Total deaths | Total recovered |
|---|---|---|---|---|
| | 2,331 | 372,859 | 1,370(+5) | 352,395(+1,832) |

| Perlis | Kedah | Penang | Perak | Selangor | Kelantan | Terengganu | Pahang | N. Sembilan | Melaka | Johor | Sabah | Sarawak | FT K. Lumpur | FT Putrajaya | FT Labuan |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| +1 | +45 | +116 | +42 | +751 | +225 | 0 | +20 | +89 | +9 | +100 | +163 | +512 | +252 | +4 | +2 |

| Asean+ | Indonesia | Philippines | Japan | Myanmar | S. Korea | China | Singapore | Thailand | Cambodia | Vietnam | Brunei | Laos |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Confirmed cases | 1,599,763 | 926,052 | 520,745 | 142,619 | 113,444 | 90,483 | 60,808 | 40,585 | 5,771 | 2,772 | 221 | 58 |
| Deaths | 43,328 | 15,810 | 9,538 | 3,206 | 1,794 | 4,636 | 30 | 99 | 39 | 35 | 3 | 0 |
| Recovered | 1,450,192 | 706,532 | 475,574 | 131,889 | 103,594 | 85,538 | 60,446 | 28,750 | 2,416 | 2,445 | 206 | 49 |

| Global Top 10 | US | India | Brazil | France | Russia | UK | Turkey | Italy | Spain | Germany |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Confirmed cases | 32,305,912 | 14,526,609 | 13,834,342 | 5,224,321 | 4,693,469 | 4,383,572 | 4,150,039 | 3,842,079 | 3,407,283 | 3,116,950 |
| Deaths | 579,942 | 175,673 | 369,024 | 100,404 | 105,193 | 127,225 | 35,320 | 116,366 | 76,981 | 80,387 |
| Recovered | 24,836,187 | 12,671,220 | 12,298,863 | 4,046,205 | 4,319,389 | 4,139,553 | 3,591,550 | 3,218,975 | 3,129,234 | 2,765,100 |

# 'Vaccine is not bulletproof'

## But it helps reduce severity of infection, say health experts

By CLARISSA CHUNG
clarissachung@thestar.com.my

**PETALING JAYA:** Even if it does not completely eliminate the chances of contracting Covid-19, vaccination will at least reduce the severity of any such infection, say health experts.

Universiti Malaya professor of epidemiology and public health Prof Dr Sanjay Rampal said there was only a small number of vaccinated individuals who were infected out of the many healthcare workers who got the jab.

"Many healthcare workers were vaccinated in phase one and it is encouraging that it appears that only nine (fully vaccinated personnel) were infected, with milder symptoms.

"Following vaccination, the risk of infection and its complications decreases, but the risk will not be reduced to zero," he added.

This may be the case for the next few years, as the high global incidence makes new mutations more likely and may reduce the vaccines' effectiveness, said Dr Sanjay.

"The risk of infection will persist in the coming years. However, the vaccines should help us in the short term by decreasing the immediate risk of infection and by decreasing the severity of the disease when infected," he added.

As such, he said preventive measures such as wearing face masks, maintaining hand hygiene and physical distancing would lower the risk of infection.

Yesterday, Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said that the 40 healthcare workers who were infected with Covid-19 after being vaccinated reported less severe symptoms.

He said that nine of them were infected more than two weeks after their second dose, while the other 31 cases were infected less than two weeks after receiving the second dose.

It's important to note that a person is only defined as having completed his vaccination two weeks after he receives his second dose.

Prof Dr Victor Hoe from Universiti Malaya's Department of Social and Preventive Medicine also said that it was vital to note that vaccinated individuals who were infected had a less severe form of the illness.

He gave the example of the United Kingdom, which saw a decline in cases after it rolled out its vaccination exercise.

"The United Kingdom has given vaccine doses to 61% of its population, and 95% of the population over the age of 50 years.

"The number of Covid-19 cases has decreased from a high of more than 60,000 cases in January to about 2,000 cases now.

"This shows that the vaccine works and with more people getting the vaccine, there will be less chance for the disease to spread," he said.

Dr Hoe admitted that people may be hesitant to get the vaccine as the information that they are bombarded with daily is "confusing".

"It is difficult for the layperson to understand how to act and react. The main thing that people need to remember is that the Covid-19 disease will be with us for the near future.

"Everyone needs to continue to follow the simple standard operating procedure even though they have completed their vaccination," he said, adding that this will likely last until herd immunity is reached.

# Country yet to enter fourth wave, says Adham

**KOTA TINGGI:** The Covid-19 contagion is defined to have entered the next wave when the rate of infection had "flattened" in the current third wave, says Health Minister Datuk Seri Dr Adham Baba.

It would be considered the fourth wave if cases involving domestic or local transmission had levelled up or recorded zero for several days during the current wave before it increases abruptly the next day, he said.

At present, he said Malaysia had not entered the fourth wave.

"In the last three weeks, the number of cases we have recorded has yet to show a decline during the third wave of Covid-19.

"The fourth wave can only occur if the third wave has reached the 'baseline' or zero and then the transmission starts again," he said.

Dr Adham said the probability of Malaysia experiencing a fourth wave of Covid-19 could arise if there is a decline in compliance with the standard operating procedure among the public, resulting in the emergence of new clusters.

He said that among the factors contributing to the increase in cases this time were activities in early April, including weddings and gatherings, as well as sending children to schools and universities in different states.

New daily cases rose to 2,551 on Friday. It remained above 2,000 yesterday with 2,331 infections.

On July 1 last year, Malaysia recorded the lowest daily number of cases, with only one new infection reported during the second wave of the pandemic and no cases of infection within the country, either among Malaysians or foreigners.

Malaysia, which was hit by the third wave starting on Sept 20 last year, started to record four-digit daily cases on Oct 24, at 1,228. — Bernama




**Shopping responsibly**

People scanning the MySejahtera app as they arrive at the Bazar Aidilfitri Kuala Lumpur on the first day of opening in Lorong Tuanku Abdul Rahman, Kuala Lumpur. — AZHAR MAHFOF/The Star

# More than 1,000 new cases in Klang Valley alone

**PETALING JAYA:** The Klang Valley has logged a little over 1,000 new Covid-19 cases, which make up a large majority of the 2,331 cases recorded nationwide in the latest daily figures, says Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

Of the states, Selangor led with 751 new cases and Kuala Lumpur was third with 252 cases for a total of 1,003 yesterday.

Sarawak registered the second highest total with 512 cases.

In Selangor, 623 cases were linked to clusters or identified from close contact tracing of active Covid-19 patients.

Eight new Covid-19 clusters were also reported, bringing the total number of active clusters to 347.

Four of the new clusters were from workplaces, three from schools and education institutions, and one was a community cluster.

The Jalan Ding Lik Kwong cluster (16 cases) in Sibu, Sarawak, the Jalan Damai Tawau (14 cases) and Bukit Quoin (11 cases) clusters in Tawau, Sabah, and the Jalan Wawasan Lima cluster (10 cases) in Batu Pahat, Johor were linked to workplaces.

Sarawak's Ulu Balingian cluster (101 cases) in Selangau and Jalan Disa cluster (20 cases) in Sibu were linked to schools or education institutions. The Jalan Maktab cluster (nine cases) – spanning Sepang and Hulu Langat in Selangor as well as Putrajaya – was also linked to schools and education institutions.

The Seri Kuantan cluster (18 cases) in Kuantan, Pahang and Cheras, Kuala Lumpur, was linked to an event held in Kuala Lumpur on April 10.

Malaysia's cumulative Covid-19 cases are now 372,859 with the 2,331 new infections. The number of active cases has risen to 19,094.

Five more people succumbed to Covid-19 in Malaysia, bringing the nation's death toll to 1,370.

The Health Ministry said the deceased were all Malaysians.

The two deaths in Selangor involved a 78-year-old man and a 76-year-old-woman.

In Sabah, a 61-year-old man and an 86-year-old woman died from the virus while the death in Sarawak was of a 68-year-old woman.

The number of patients in intensive care units is now 225, with 92 on ventilator support.

A total of 1,832 Covid-19 patients were discharged from treatment. A cumulative total of 352,395 have recovered.